

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Rabu, 22 Mac 2017

M/S : 32

UTUSAN MALAYSIA • RABU 22 MAC 2017

Kunjungi Singgah *Santai@PNM* Sabtu ini

KUALA LUMPUR 21 Mac - Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) akan menganjurkan program Singgah *Santai@PNM* pada Sabtu ini bagi menggalakkan orang ramai terutama penduduk Lembah Klang mengunjungi dan menggunakan pelbagai perkhidmatan yang disediakan di perpustakaan utama itu.

Program bertemakan Les-tari Hijau Komuniti Sejahtera di perkarangan premis berkenaan akan melibatkan aktiviti dengan masyarakat setempat dalam usaha menanam minat membaca

dan pada masa sama pengunjung dapat berhibur dengan pelbagai program menarik yang mampu merangsang perkembangan minda.

Singgah *Santai@PNM* akan bermula pukul 10 pagi sehingga 5 petang dengan pengisian pelbagai aktiviti menarik dan berbentuk interaksi sosial masyarakat

Antaranya pameran inovasi hijau, bicara ilmu, literasi maklumat, klinik jawi, program tukar buku, pameran korporat PNM, demonstrasi makanan sihat, kempen derma darah, ujian kesi-

hatan percuma dan bazar.

Singgah *Santai@PNM* juga akan disertai pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun dan pertubuhan bukan kerajaan termasuk Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Alam Sekitar, Kumpulan Utusan, Pertubuhan Bukan Kerajaan Alam Sekitar Malaysia (MENGO), Kraftangan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia (UPM).